

Rujukan Kami : MBNH/OCK/IKRMUALIM/STUN-PC/17/23524
Tarikh : 23/05/2024

Jabatan Kerja Raya Muallim
Perstarian Wisma, Kampung Manggis,
35800 Slim River,
Perak Darul Ridzuan

COPY

U/P : Bahagian Jalan

Tuan,

PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN LALUAN SERTA PERMIT UNTUK PEMASANGAN DAN PENYAMBUNGAN KEMUDAHAN UTILITI TELEKOMUNIKASI SERTA PENGOREKAN DIDALAM REZAB JALAN.

PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU

LOKASI : LEBUHRAYA BEHRANG STESEN- TANJUNG MALIM (193)

KAEDAH : HDD (2416 METER)

Merujuk kepada perkara diatas, dimaklumkan bahawa pihak Maxis Broadband Sdn Bhd telah melantik syarikat **OCK SETIA ENGINEERING SDN BHD** untuk melaksanakan kerja-kerja pemasangan dan penyambungan kemudahan utiliti telekomunikasi serta pengorekan jalan di kawasan di bawah pengawasan pihak tuan.

Projek "Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP)" adalah pelaburan Maxis bagi menyokong inisiatif Jendela yang di pimpin oleh SKMM. Di antaranya ialah rancangan Maxis untuk menyediakan infrastruktur fiber sedia ada di seluruh negara demi memberi lebih pilihan kepada pihak pengguna dari segi kualiti dan servis perkhidmatan. Dengan menyediakan infrastruktur terlebih dahulu, pihak pengguna dapat melanggan mana mana perkhidmatan yang Maxis tawarkan dalam masa terdekat.

Oleh yang demikian, pihak kontraktor dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan segala urusan yang melibatkan permit dan yang berkaitan di atas. Untuk tujuan itu, kami memohon kerjasama dari pihak tuan untuk memberi kebenaran serta kelulusan kepada pihak kami untuk menjalankan kerja-kerja di atas jalan yang terlibat seperti yang dinyatakan di atas.

Bersama-sama ini disertakan Polan Cadangan Teknikal, Pelan Tapak, TMP, Insurance, CIDB, SSM Syarikat, *Method Of Statement*, *Laporan Bergambar Terkini*, *Borang Permohonan* untuk rujukan serta tindakan selanjutnya dari pihak tuan. Pihak kami bersedia melakukan lawatan tapak sekiranya diperlukan.

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara tersebut, pihak tuan bolehlah berhubung dengan wakil kontraktor kami, **Salina Ibrahim** di talian **017-3011016**. Pihak tuan juga boleh menghubungi saya **Ahmad Hafiz Aswadi** di talian **019-563 6329**.

Sekian, Terima Kasih.
Yang Benar,

MAXIS BROADBAND SDN BHD



AHMAD HAFIZ ASWADI BIN ABDUL RAHMAN
OSP Implementation
Technology

Cc: Pengarah Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (Negeri Perak)

